

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1994/95

April 1995

HKN 305/NSK 011 Fiksyen Melayu Moden

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan**

1. Para pengkeritik seperti Y. B. Mangunwijaya dan Abdul Hadi W.M. berpendapat bahawa Kuntowijoyo di dalam novelnya Khotbah Di Atas Bukit berjaya memadukan eksistensialisme moden dan eksistensialisme tradisional Jawa. Eksistensialisme tradisional Jawa mengandungi unsur-unsur sinkretik daripada Tantrisme, mistisisme Hindu dan Buddha, Sufisme dan Taoisme.
  - [a] Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, kemukakan detik-detik apa yang mendorong Popy dan Barman mengubah peranan menjadi eksistensialis.
  - [b] Huraikan makna simbolisme perjalanan Barman ke gunung mengikut tradisi pemikiran eksistensialisme tradisional Jawa tersebut.
  - [c] Jelaskan pula motif penciptaan tokoh kembar Barman dan Humam.
2. Bincangkan sifat sufistik cerpen Danarto "Dinding Anak" dengan melihat aspek penokohan, garapan latar sosial, ruang cerita, plot dan sudut pandangan pengarang atau penciptaan 'dunia alternatif' fiksyen dengan kerangkanya yang khas Danarto sebagaimana dikemukakan oleh Umar Kayam di dalam pengantarnya terhadap antologi Berhala.

3. Andre Hardjana menamakan novel-novel Mochtar Lubis, termasuk Maut dan Cinta, sebagai novel-novel realisme eksistensial yang bertitik tolak daripada pandangan humanisme universal. Di dalam aspek-aspek apakah Mochtar Lubis menghidupkan penghayatan humanisme universal di dalam novelnya tersebut. Apakah pemilihan latar cerita di luar Indonesia dan lukisan percintaan tokoh-tokoh novel tersebut yang berlainan bangsa juga termasuk ke dalam kerangka pemikiran humanisme universal pengarang?
4. Huraikan mengapa Pak Sastro, di dalam novel Koong karya Iwan Simatupang, memelihara perkutut bisu. Implikasi-implikasi apakah yang timbul kepada perkembangan watak Pak Sastro dan keseluruhan cerita dengan hilangnya burung tersebut? Mengapa pengarang menampilkan tokoh antagonis seekor burung perkutut bisu? Bincangkan dengan merujuk kepada pendapat Dami N. Toda di dalam bukunya Novel Baru Iwan Simatupang!

**BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan**

5. Kesusasteraan Melayu moden boleh dikatakan bersifat sosial. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk terutamanya kepada perkembangan kesusasteraan Melayu dalam tahun-tahun 50-an.
6. Dengan merujuk kepada contoh-contoh dari Sudara, bincangkan bagaimana tema kemelayuan diungkapkan dalam novel tersebut. Perbincangan anda perlulah memberi tumpuan kepada jenis-jenis plot yang terdapat di dalam karya itu.
7. Apakah tema pokok Srengenge menurut Umar Yunus? Dengan merujuk kepada contoh dari novel itu gambarkan bagaimana tema itu diperlakukan dalam bentuk beberapa pertentangan. Jelaskan mengapa Imam Hamad merupakan watak ambiguous yang menjadi perantara antara Awang Cik Teh dan watak-watak seperti Useng, Diah dan Siddik.
8. Gambarkan dengan teliti bagaimana dalam novel Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman watak utama, Pak Hassan, membaurkan dunia cerita-ceritanya dengan dunia nyata. Dengan merujuk kepada suatu perkembangan dalam kesusasteraan termoden, terangkan apakah faktor yang menimbulkan perbauran ini.